

U 8004 AAB
MAHATHIR - KESATUAN

KUALA LUMPUR, 5 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN BAHAWA KEMEWAHAN PARA PEKERJA TIDAK SEMESTINYA BERGANTUNG KEPADA KEKUATAN SESUATU KESATUAN SEKERJA.

SEBALIKNYA, PERDANA MENTERI BERKATA PERTUMBUHAN EKONOMI YANG PESAT DAN PELABURAN YANG BAIK ADALAH FAKTOR TERPENTING DALAM MENENTUKAN GAJI YANG TINGGI BAGI PARA PEKERJA.

PERDANA MENTERI MEMBERI CONTOH NEGARA TAIWAN DAN HONG KONG, YANG MENURUTNYA, TIDAK MEMPUNYAI KESATUAN SEKERJA, TETAPI GAJI PARA PEKERJA DI NEGARA-NEGARA BERKENAAN LEBIH TINGGI BERBANDING DARIPADA MALAYSIA.

SEMASA BERCAKAP PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS PERTEMUAN DENGAN PARA PEMIMPIN KONGRES KESATUAN SEKERJA MALAYSIA (MTUC), BELIAU BERKATA LAYANAN DARIPADA MAJIKAN KEPADA PEKERJA DI KEDUA-DUA NEGARA ITU JUGA ADALAH BAIK.

PERTEMUAN DENGAN PARA PEMIMPIN KONGRES ITU BERJALAN SELAMA DUA SETENGAH JAM DI JABATAN PERDANA MENTERI. DELEGASI MTUC SERAMAI 17 ORANG DIKETUAI OLEH PRESIDENNYA, ENCIK ZAINAL RAMPAK.

YANG TURUT MENGHADIRI PERTEMUAN ITU IALAH MENTERI BURUH, DATUK LIM AH LEK, DAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN BERKENAAN, NIK MOHAMAD AMIN NIK ABU BAKAR. -- LAGI

1946MST 05 07 89

U 8017 AAB
MAHATHIR - KESATUAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN SENTIASA MENGAMBIL LANGKAH UNTUK MENINGKATKAN EKONOMI NEGARA, TERMASUK MENGGALAKKAN PELABURAN DI NEGARA INI KERANA EKONOMI YANG PESAT AKAN MEMANFAATKAN GOLONGAN PEKERJA.

DALAM USAHA MENINGKATKAN EKONOMI ITU, BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA KEPENTINGAN PEKERJA TIDAK AKAN DIABAIKAN.

PERDANA MENTERI JUGA MENEGASKAN PERLUNYA KEHARMONIAN PERUSAHAAN DIWUJUDKAN UNTUK MENGGALAKKAN PELABURAN DI NEGARA INI.

DALAM PERTEMUAN ITU, MTUC TELAH MENGEMUKAKAN SATU MEMORANDUM YANG MENGANDUNGI BEBERAPA CADANGAN, TERMASUK SUPAYA MAJLIS PENASIHAT BURUH KEBANGSAAN (NLAC) DIBERIKAN KUASA MEMBUAT KEPUTUSAN, BILANGAN MAHKAMAH PERUSAHAAN DITAMBAH, PARA PEKERJA ELEKTRONIK DIBENARKAN MENUBUHKAN KESATUAN KEBANGSAAN DAN MENGEMBALIKAN HAK PERUNDINGAN BERSAMA KEPADA KAKITANGAN AWAM.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TELAH MENJELASKAN KEPADA MTUC PENDIRIAN KERAJAAN MENGENAI ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN OLEH KONGRES ITU. -- LAGI

2010MST 05 07 89

0026

U 8026 AAB
MAHATHIR - KESATUAN 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI CADANGAN-CADANGAN ITU, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN BERSEDIA MENIMBANGKAN CADANGAN YANG DIFIKIRKAN MENGUNTUNGAN KERAJAAN, MAJIKAN DAN PARA PEKERJA SENDIRI.

ANTARA CADANGAN YANG BELIAU ANGGAP MUNASABAH DAN BOLEH DIPERTIMBANGKAN IALAH MENGENAI TAMBAHAN BILANGAN MAHKAMAH PERUSAHAAN BAGI MENGATASI MASALAH KES-KES YANG TERTANGGUH.

KETIKA MENJAWAB SOALAN PEMBERITA, PERDANA MENTERI TELAH MEMBERI BEBERAPA SEBAB MENGENAI CADANGAN MTUC, TERMASUK MENGENAI KEDUDUKAN NLAC, TIDAK DAPAT DITIMBANG.

INI KERANA, KATANYA, MEREKA YANG MENDUDUKI MAJLIS ITU, WAKIL-WAKIL MAJIKAN, KERAJAAN DAN PEKERJA, TIDAK MENGETAHUI SEPENUHNYA MASALAH YANG DIHADAPI OLEH NEGARA.

PARA PEKERJA ELEKTRONIK PULA TIDAK DIBENARKAN MENUBUHKAN SEBUAH KESATUAN SEKERJA KEBANGSAAN KERANA SETIAP SYARIKAT ITU MENPUNYAI HASIL PENDAPATAN YANG BERBEZA. -- LAGI

2025MST 05 07 89

D034

U B031 AAB
MAHATHIR - KESATUAN 4 KUALA LUMPUR

MENGENAI HAK PERUNDINGAN BAGI KAKITANGAN AWAM PULA, BELIAU BERKATA KERAJAAN TELAH MEWUJUDKAN TRIBUNAL PERKHIDMATAN AWAM BAGI KAKITANGAN KERAJAAN MEMBUAT ADUAN MENGENAI ANOMALI PERKHIDMATAN.

MENGENAI PENGLIBATAN PARA PEMIMPIN POLITIK DALAM MTUC, BELIAU BERKATA ADALAH SUKAR BAGI KERAJAAN MEMBEZAKAN SAMA ADA KONGRES ITU BENAR-BENAR MEMPERJUANGKAN HAK PEKERJA ATAU KEPENTINGAN POLITIK MASING-MASING SEKIRANYA PARA PEMIMPIN POLITIK MENERAJUI KONGRES ITU.

+SELAGI MTUC DIPIMPIN OLEH TOKOH-TOKOH POLITIK, JANGAN SALAHKAN KERAJAAN JIKA KERAJAAN MENGANGGAP KONGRES ITU SEBAGAI PARTI POLITIK,+ TEGASNYA.

SAMBIL MEMBERI CONTOH ISU SISTEM KEUTAMAAN AM (GSP) YANG MEMBABITKAN SETIAUSAHA AGUNG MTUC, ENCIK V. DAVID, YANG JUGA ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN PUCHONG DAP, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK DAPAT MEMBEZAKAN SAMA ADA TINDAKAN ENCIK DAVID ITU DIPENGARUHI OLEH PERJUANGAN POLITIKNYA ATAU KESATUAN SEKERJA.

KATANYA, BELIAU TELAH MENERANGKAN KEPADA MTUC BAHAWA ADALAH SALAH JIKA SEORANG PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA MENGAMBIL TINDAKAN YANG BOLEH MEMBAWA KESAN BURUK KEPADA NEGARA.

SELAIN ENCIK DAVID, SEORANG LAGI TOKOH DAP DALAM KONGRES ITU IALAH ENCIK AHMAD NOR YANG MENJADI TIMBALAN PRESIDEN MTUC DAN NAIB Pengerusi DAP. KEDUA-DUA MENGHADIRI PERTEMUAN HARI INI. -- LAGI
2042MST 05 07 89

D035

U B033 AAB
MAHATHIR - KESATUAN 5 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA SECARA KESELURUHAN, BELIAU BERPUAS HATI DENGAN PERTEMUAN ITU, YANG, MENURUTNYA, MEMBERI PELUANG KEPADA BELIAU MENJELASKAN MENGENAI PANDANGAN DAN PENDIRIAN KERAJAAN TERHADAP ISU-ISU PEKERJA.

BELIAU MENYATAKAN RASA GEMBIRA KERANA SALAH SEORANG DARIPADA ANGGOTA PERWAKILAN MTUC ITU TELAH MEMUJI POLISI PENSWASTAAAN YANG TELAH MENGUNTINGKAN PARA PEKERJA.

ENCIK ZAINAL RAMPAK, KETIKA DITEMUI SELEPAS PERTEMUAN ITU, BERKATA BELIAU BERPUAS HATI DENGAN PERTEMUAN TERSEBUT. BELIAU, BAGAIMANAPUN, ENGGAN MENJELAS LANJUT.

PERTEMUAN ANTARA PERDANA MENTERI DAN MTUC HARI INI ADALAH PERTEMUAN RASMI PERTAMA ANTARA KEDUA-DUANYA SEJAK DATUK SERI DR MAHATHIR MEMEGANG JAWATAN ITU PADA TAHUN 1981. -- BERNAMA
2043MST 05 07 89